

CNS0079

U PB 18-06 00180 RA998

aab

Mahathir - Pilihan raya

BN YAKIN MENAWAN LERIH BANYAK KERUSI PARLIMEN DAN NEGERI

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) yakin akan menawan lebih banyak kerusi Parlimen dan Negeri dalam pilihan raya umum akan datang kerana banyak anggota pembangkang kini menyertai parti-parti komponen BN, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, parti pembangkang kini sudah lemah kerana selain anggota biasa, kalangan pemimpin mereka juga menyertai BN.

Kini kedudukan majoriti BN dalam Parlimen juga semakin kukuh berbanding dengan kedudukannya pada 1990 terutama dengan penyertaan anggota Parlimen daripada Parti Bersatu Sabah (PBS), katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung ke-41 MCA di Wisma MCA di sini.

Pada pilihan raya umum 1990, BN memenangi sebanyak 127 kerusi Parlimen daripada 180 kerusi yang dipertandingkan.

Kini BN mempunyai 142 kerusi ekoran kemasukan anggota pembangkang iaitu dua daripada Semangat 46, empat anggota bebas dan 11 daripada PBS walaupun BN kehilangan dua anggota yang keluar daripada parti komponennya. -- Lagi.

♥18/06/13-58MST

CNS0083

U PB 18-06 00166 RA999

aab

Mahathir - Pilihan raya 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata kini kedudukan parti pembangkang di Sabah semakin lemah memandangkan hanya tinggal lima anggotanya masih mewakili Parlimen dan lima mewakili Dewan Undangan Negeri.

Walaupun kebanyakan anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri PBS kini menyertai BN dan kawasan itu kini kawasan BN, parti-parti komponen BN perlu menentukan yang penduduk Sabah tetap menyokongnya.

Perdana Menteri juga yakin pada pilihan raya akan datang, BN tidak mungkin kalah 100 peratus di Kelantan seperti pilihan raya umum 1990, dan ia mungkin memenangi beberapa kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Baqi Pulau Pinang, yang merupakan negeri idaman DAP, Perdana Menteri yakin BN akan mengekalkan kedudukannya di negeri itu kecuali jika rakyat negeri itu "sengaja hendak menolak BN."

"Saya tidak tahulah jika rakyat Pulau Pinang hendak menolak BN kerana dari segi khidmatnya parti itu telah banyak memberi manfaat kepada rakyat negeri itu dan mereka patut menyokong BN," katanya. -- Lagi.

♥18/06/14-01MST

CNS0110

R PB 18-06 00166 BH748

AAB

Mahathir - Pilihan Raya 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, walaupun tarikh pilihan raya belum ditentukan, BN sudah 90 peratus bersiap sedia untuk menghadapinya, cuma menunggu masa.

Katanya, parti itu mempunyai jentera di semua peringkat baik di peringkat kampung hingga bandar dan hanya menunggu masa untuk digerakkan.

Dr Mahathir yang ditanya bilakah pilihan raya umum akan diadakan memandangkan mandat untuk BN memerintah akan berakhir Oktober tahun depan berkata, beliau akan mengumumkan tarikhnya pada bila-bila masa tetapi tidak boleh memberitahunya sekarang kerana ia masih rahsia.

"Kami sudah bersedia. Persoalannya sekarang, stamina siapa yang tahan lama (untuk menunggu pilihan raya diadakan). Kami hendak tengok parti lawan tahan atau tidak."

Dr Mahathir berkata, walaupun keadaannya sesuai untuk mengadakan pilihan raya umum sekarang, kerja-kerja persempadanan semula kawasan pilihan raya perlu diambil kira.

Baqaimanapun, beliau percaya kedudukan ekonomi yang memberangsangkan sekarang akan terus stabil hingga akhir tahun dan tidak akan menjadi pengaruh negatif. -- Bernama.

HK KAM.

♥18/06/14-49MST